

Perhimpunan esok penuh bermakna

UM 19 SEP 2003

Oleh **HAMDEN RAMLI**

KUALA LUMPUR 18 Sept. — Perhimpunan sempena sambutan Ulang Tahun Ke-50 Kejayaan Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN) Sabtu ini di Stadium Merdeka, bakal menjadi satu perhimpunan yang ringkas tetapi penuh bermakna.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, tidak ada persembahan luar biasa atau elemen kejutan akan dipersembahkan pada perhimpunan kali ini.

Katanya, perhimpunan kali ini diadakan sebagai tanda terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN, di atas jasa dan pengorbanan yang telah dilau-



kukan kepada parti, kerajaan dan negara.

“Oleh itu, pada perhimpunan kali ini kita akan menerima beliau sebagai seorang pahlawan yang telah banyak berjasa pada negara.

“Pada masa yang sama kita juga mahu menerima kehadiran Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi sebagai pengganti Dr. Mahathir, juga sebagai pahlawan yang akan meneruskan perjuangan BN untuk kemajuan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan raptai penuh Perhimpunan Ulang Tahun Ke-50 Kejayaan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka, hari ini.

Mohamed berkata, perhimpunan itu turut bermakna kerana akan menyaksikan pemimpin dan wakil BN melafazkan ikrar berjanji kepada rakyat untuk terus berusaha memastikan Malaysia sentiasa aman, damai dan maju jaya.

Selain itu katanya, perhimpunan itu juga diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa resipi kejayaan negara hari ini banyak

dipengaruhi oleh prinsip kongsi kuasa yang diamalkan oleh kerajaan BN.

Menyentuh mengenai persiapan, beliau berkata, semua berjalan dengan lancar.

“Secara keseluruhan saya berpuas hati dan percaya kelemahan yang telah dikenal pasti akan diperbetulkan supaya tidak berulang,” katanya.

Seramai 50,000 pengunjung dijangka menghadiri perhimpunan yang akan disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Mohamed turut menasihati mereka yang hadir memakai baju warna biru bagi menyemarakkan lagi suasana perhimpunan itu.

“Selain itu kita juga menggalakkan mereka membawa payung kerana cuaca di Kuala Lumpur sejak akhir-akhir ini kerap hujan,” katanya.